

Najib jumpa ketua Umno bahagian perkara biasa, kata naib presiden
The Malaysian Insider
March 3, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Pertemuan Datuk Seri Najib Razak bersama 170 ketua Umno Bahagian dijadualkan berlangsung pada 8 Mac ini hanyalah pertemuan biasa dan tiada perkara luar biasa yang akan dibincangkan, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Shafie bagaimanapun berkata, pertemuan itu akan menjadi landasan untuk menerangkan keadaan dan situasi semasa kepada kepimpinan di peringkat akar umbi.

"Mungkin ada landasan itu untuk memperjelaskan keadaan isu semasa," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Majlis Amanah Rakyat (Mara) ke-49 di Kuala Lumpur, hari ini.

"Pimpinan bahagian juga perlu difahamkan, supaya jangan banyak sangat kekeliruan, penjelasan isu dilemparkan dari dalam dan luar," katanya, ketika ditanya sama ada pertemuan itu dianjurkan demi solidariti kepada Najib susulan serangan terhadap isu syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Kalau dapat dijelaskan boleh betulkan persepsi, masyarakat kita, bukan saja pimpinan tetapi dari peringkat masyarakat luar," katanya.

Ketua Umno Bahagian Cheras Datuk Seri Syed Ali Alhabshee sebelum ini berkata, pertemuan itu bertujuan membuktikan kepada pihak pembangkang dan pihak luar mereka sentiasa menyokong presiden Umno yang juga perdana menteri itu.

"Kami mahu menunjukkan kepada dunia Najib mempunyai sokongan akar umbi yang kuat...jadi pembangkang serta pihak luar perlu berhenti menyerang pemimpin Barisan Nasional," katanya seperti dilaporkan media.

"Kita tidak akan bertolak ansur dengan perang saraf itu. Kita perlu menanganinya segera dan kami tidak akan duduk diam dengan hanya melihat mereka memainkan agenda jahat ini," katanya.

Najib akhir-akhir ini diserang dengan pelbagai isu termasuk isu 1MDB yang didakwa bergelumang dengan skandal kewangan.

Antara yang lantang mengkritik Putrajaya berhubung syarikat itu ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Syed Ali dilaporkan berkata, setakat ini kira-kira 170 daripada 191 Ketua Umno Bahagian mengesahkan kehadiran mereka.

"Kami mahu menunjukkan kita berdiri teguh di belakang perdana menteri dan menolak pandangan wujud perpecahan dalam Umno," katanya yang mengatakan

idea itu dimulakan sekumpulan ketua Umno bahagian. – 3 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-jumpa-ketua-umno-bahagian-perkara-biasa-kata-naib-presiden>